

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1200 Jumaat 26 Januari 2024



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
BAGI INDEKS PERDAGANGAN LUAR NEGERI,
MALAYSIA, DISEMBER 2023

Terma Perdagangan Malaysia kekal melebihi 100 mata di semua bulan pada 2023, meningkat 0.1 peratus pada Disember 2023.

PUTRAJAYA, 26 JANUARI 2024 – Harga eksport Malaysia pada Disember 2023, menurun 0.9 peratus daripada 149.3 mata pada bulan sebelumnya kepada 148.0 mata. Begitu juga, harga import jatuh 1.0 peratus daripada 130.9 mata kepada 129.6 mata manakala terma perdagangan Malaysia pula menokok 0.1 peratus bulan ke bulan kepada 114.6 mata pada Disember 2023, sebagaimana dipaparkan oleh laporan **INDEKS PERDAGANGAN LUAR NEGERI (2010=100), Disember 2023** pada hari ini. Penerbitan ini memaparkan statistik indeks nilai seunit, indeks volum dan terma perdagangan meliputi 10 seksyen komoditi produk barangan selaras dengan Klasifikasi Standard Perdagangan Antarabangsa (SITC).

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Indeks nilai seunit eksport jatuh 0.9 peratus pada Disember 2023 berbanding bulan sebelumnya, disumbangkan oleh kejatuhan indeks minyak & lemak binatang & sayur-sayuran (-3.6%), minyak galian (-2.4%) dan barang-barang keluaran kilang (-0.5%). Pada masa yang sama, indeks volum eksport susut 1.8 peratus selaras dengan penyusutan indeks minyak

galian (-14.8%), makanan (-8.0%) dan bahan kimia (-3.9%). Indeks volum eksport pelarasan bermusim merosot 9.3 peratus daripada 155.4 mata kepada 140.9 mata. Merujuk kepada perbandingan tahunan, indeks nilai seunit naik 2.4 peratus manakala indeks volum jatuh 12.0 peratus.

Indeks nilai seunit import menurun 1.0 peratus pada Disember 2023, disumbangkan oleh penurunan indeks minyak galian (-4.5%), alat jentera & kelengkapan pengangkutan (-0.5%) dan bahan kimia (-0.5%). Indeks volum import turut jatuh 1.6 peratus pada Disember 2023 berbanding bulan sebelum, disumbangkan oleh kejatuhan dalam indeks bahan kimia (-6.3%), alat jentera & kelengkapan pengangkutan (-3.8%) dan pelbagai barang keluaran kilang (-1.2%). Indeks volum import pelarasan bermusim naik 0.2 peratus daripada 188.1 mata kepada 188.4 mata. Perbandingan tahun ke tahun menunjukkan indeks nilai seunit import menyusut 0.3 peratus dan indeks volum bertambah 3.4 peratus.”


Di samping itu, terma perdagangan Malaysia meningkat 0.1 peratus bulan ke bulan kepada 114.6 mata pada Disember 2023, didorong oleh peningkatan indeks minyak galian (+2.2%), makanan (+0.9%) dan bahan mentah tidak boleh dimakan (+0.8%). Begitu juga, terma perdagangan Malaysia tahun ke tahun berkembang 2.7 peratus daripada 111.6 mata pada Disember tahun lalu.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.

Pangkalan Data Utama (PADU) telah diluncurkan pada 2 Januari 2024. PADU mengandungi profil individu dan isi rumah meliputi warganegara dan pemastautin tetap di Malaysia. Matlamat utama PADU untuk memastikan rakyat Malaysia tidak tercicir daripada setiap inisiatif berpaksikan rakyat yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Dimohon kerjasama untuk mendaftar dan mengemaskini PADU sebelum atau pada 31 Mac 2024. Sila layari <https://www.padu.gov.my> bagi maklumat lanjut berkaitan PADU atau hubungi Jabatan Perangkaan Malaysia: 1-800-88-7720/1-800-88-7721. Pertanyaan secara dalam talian boleh dibuat melalui SISPA: <http://padu.spab.gov.my>.



**Carta 1: Peratus Perubahan Bulan ke Bulan bagi Indeks Nilai Seunit Eksport & Import
Januari 2021 – Disember 2023**

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
26 JANUARI 2024**

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Friday, January 26th 2024



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

**MEDIA STATEMENT
FOR EXTERNAL TRADE INDICES,
MALAYSIA, DECEMBER 2023**

***Malaysia terms of trade remained above 100 points of all months in 2023,
increased by 0.1 per cent in December 2023.***

PUTRAJAYA, JANUARY 26, 2024 – Malaysia's export prices in December 2023 slipped by 0.9 per cent from 149.3 points in the previous month to 148.0 points. Likewise, import prices decreased by 1.0 per cent from 130.9 points to 129.6 points while Malaysia's terms of trade grew 0.1 per cent month-on-month to 114.6 points in December 2023 as reported today in **EXTERNAL TRADE INDICES (2010=100), December 2023**. This publication presents the unit value index, volume index and terms of trade for 10 commodity sections of merchandise products in accordance with the Standard International Trade Classification (SITC).

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "The export unit value index fell by 0.9 per cent in December 2023 as compared to the previous month, led by the decrease in the index of animal & vegetable oils & fats (-3.6%), mineral fuels (-2.4%) and manufactured goods (-0.5%). At the same time, the export volume index went down by 1.8 per cent in line with the decrease in the index of mineral fuels (-14.8%), food (-8.0%) and chemicals (-3.9%). The seasonally adjusted export volume index declined by

9.3 per cent from 155.4 points to 140.9 points. Referring to the annual comparison, the unit value index grew 2.4 per cent and volume index decreased by 12.0 per cent.

The import unit value index shrank by 1.0 per cent in December 2023, contributed by the decrease in the index of mineral fuels (-4.5%), machinery & transport equipment (-0.5%) and chemicals (-0.5%). The import volume index also dropped by 1.6 per cent in December 2023 as compared to the previous month, attributed to the contraction in the index of chemicals (-6.3%), machinery & transport equipment (-3.8%) and miscellaneous manufactured articles (-1.2%). The seasonally adjusted import volume index edged up by 0.2 per cent from 188.1 points to 188.4 points. Year-on-year comparison showed that the import unit value index shrank by 0.3 per cent and volume index increased by 3.4 per cent."

In addition, Malaysia's terms of trade expanded by 0.1 per cent month-on-month to 114.6 points in December 2023, driven by the increase in the index of mineral fuels (+2.2%), food (+0.9%) and inedible crude materials (+0.8%). Likewise, Malaysia's terms of trade grew by 2.7 per cent year-on-year from 111.6 points in December of the previous year.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' in analysis various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life".

The Central Database (PADU) was launched on 2 January 2024. PADU contains individual and household profiles covering citizens and permanent residents of Malaysia. The main goal of PADU is to ensure that Malaysians are not left behind from citizen centric initiatives

implemented by the Government. Your kind cooperation is requested to register and update PADU by 31 March 2024. Please visit <https://www.padu.gov.my> for more information related to PADU or contact the Department of Statistics Malaysia: 1-800-88-7720/1-800-88-7721. Online enquiries can be made through SISPA: <http://padu.spab.gov.my>.




Chart 1: Month-on-Month Percentage Change of Export & Import Unit Value Indices
January 2021 – December 2023

Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA
26 JANUARY 2024